

**AMALAN CIRI-CIRI METODOLOGI CLIL (*CONTENT AND LANGUAGE
INTEGRATED LEARNING*) DALAM PENGAJARAN & PEMBELAJARAN SIRAH,
KURIKULUM BERSEPADU DINI (KBD)**

Norfaezah Mohd Hamidin, Wazzainab Ismail, Ahmad Ismail, Mohd Zaki Ahmad
Irma Martiny Md Yasim, Normazidah Mahmood
norfaezah@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa KUIS
IPG Kampus Bangi

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk melihat amalan ciri-ciri metodologi CLIL dalam pengajaran & pembelajaran Sirah, Kurikulum Bersepadu Dini di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Sabah dan Sarawak. Objektif kajian ini untuk mengenal pasti ciri-ciri metodologi CLIL yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Sirah daripada perspektif murid melalui instrumen soal selidik dan tahap penguasaan kandungan murid dalam pembelajaran Sirah melalui ujian bertulis. Di samping meneroka ciri-ciri metodologi CLIL yang digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran Sirah melalui temubual dan meneroka kekuatan dan kelemahan guru dalam melaksanakan CLIL dalam pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah pemerhatian di dalam kelas. Kajian ini berasaskan kepada ciri-ciri metodologi CLIL yang digunapakai oleh Mehisto et al. (2008). Kajian ini melibatkan pembelajaran Sirah Tingkatan 2 dalam subjek Usuluddin, Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Ciri-ciri metodologi CLIL terdiri daripada enam dimensi melibatkan 36 ciri-ciri dalam pengajaran. Hasil kajian mendapati guru subjek Sirah kurang menggunakan ciri-ciri metodologi CLIL semasa pengajaran mereka di dalam kelas. Ini berpunca dari kurangnya pendedahan dalam menguasai kandungan dan bahasa kedua secara serentak.

Kata kunci: CLIL, Sirah, Kurikulum Bersepadu Dini, SABK.

1.0 PENDAHULUAN

CLIL merupakan nama singkatan bagi “Content and Language Integrated Learning” yang bermaksud integrasi kandungan dan bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian berkaitan integrasi kandungan dan bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran (CLIL) sudah lama dibincangkan dalam bidang pendidikan ini. Di Eropah, pengajaran dan pembelajaran subjek bukan bahasa diajar menggunakan bahasa kedua atau bahasa asing telah bermula sejak beberapa dekad yang lalu (R. de Graaff et. al, 2007; Wannagat, U., 2007; Kamarulzaman et. al, 2010; Lai et. al, tt; Meyer,O., 2010; Llinares,A. & Morton, T. 2010; Marie et.al., 2008).

Istilah CLIL “*Content and Language Integrated Learning*” telah dipopularkan oleh Marsh (2002) dan telah diguna pakai di seluruh dunia. Pendekatan *Content and Language Integrated Learning* (CLIL) atau dalam bahasa Melayu boleh diterjemahkan sebagai “Integrasi Kandungan dan Bahasa dalam Proses Pembelajaran” yang memberi makna pembelajaran sesuatu subjek seperti sejarah, geografi, sains dan lain-lain dengan menggunakan bahasa kedua atau bahasa asing dalam menguasai isi kandungan serta bahasa kedua atau bahasa asing melalui proses pembelajaran berteraskan bahasa (Marsh & Lange, 2000). Pendekatan CLIL ini juga dikenali sebagai pendidikan dwi-fokus.

Menurut de Graaff, Koopman, Anikia, & Westhoff, 2007; Wannagat, (2007); Kamarulzaman, Saiful Nizam, Nabihah & Nor Azahan, (2010); Lai Ying Ying, Hashimah Alimon & Sopia Md Yassin, t.t.; Meyer, 2010; Llinares & Morton, (2010) di Eropah, pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bukan bahasa diajar menggunakan bahasa kedua atau bahasa asing telah bermula sejak beberapa dekad yang lalu. Anke Wegner (2012) merumuskan dalam kajian beliau, Bahasa CLIL satu bentuk PdP demokrasi kerana murid dan guru bekerjasama untuk memahami ilmu dan memperoleh bahasa. Kajian Ma Luz Celaya dan Yolanda Ruiz (2010) secara kualitatif menyatakan tentang kesan terhadap penulisan murid yang menggunakan pendekatan CLIL yang cenderung terpengaruh dengan bahasa asing yang digunakan. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi kajian CLIL. Antaranya umur, jenis bahasa asing yang digunakan, tahap kognatif murid dan lain-lain.

Shigeru Sasajima (2013) dalam kajiannya menggambarkan bahawa pendekatan CLIL menggalakkan transformasi kognatif tenaga pengajar. CLIL menjadi faktor penting perubahan dalam diri seorang guru dalam usaha merealisasikan CLIL dalam PdP. Sebahagian guru hanya sebagai pemudahcara kerana pelaksanaan CLIL membantu murid bergerak sendiri iaitu pembelajaran berpusatkan murid. CLIL merupakan teknik yang mampu menukar gaya pembelajaran murid. Murid lebih aktif dan gigih berusaha memahami kandungan iaitu ilmu yang dipelajari kerana bahasa yang digunakan adalah bahasa asing (Shigeru Sasajima, 2013).

Di Malaysia, pendekatan CLIL mula dilaksanakan pada tahun 2003, apabila mata pelajaran Sains dan Matematik mula diajar menggunakan medium Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah. Terdapat beberapa kajian berkaitan CLIL dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Pengajaran dan pembelajaran subjek menggunakan bahasa asing atau bahasa kedua merupakan satu perkara yang baru bagi sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia sebelum bermulanya era PPSMI iaitu pengajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris pada tahun 2003. Perubahan yang berlaku dalam dunia pendidikan ini telah menarik perhatian ahli sarjana menjalankan kajian keberkesanan PPSMI dalam bilik darjah. Perubahan ini dilakukan setelah 30 tahun Malaysia mencapai kemerdekaan bertujuan agar pendidikan di Malaysia selari dengan zaman sains dan teknologi yang serba moden yang kebanyakan pengetahuan dan maklumat tersebut menggunakan Bahasa Inggeris (Noraini et. Al., 2009).

Walau bagaimanapun keadaan ini tidak sama dengan subjek-subjek agama yang diajarkan di sekolah-sekolah kerajaan negeri dan di sekolah-sekolah agama rakyat. Terdapat sekolah-sekolah yang berada di bawah pengawasan bersama iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Agama Negeri seperti SABK dan sekolah-sekolah tersebut menggunakan buku-buku yang digunakan di sekolah-sekolah arus perdana. Di sekolah-sekolah ini kesemua subjek agama diajar menggunakan Bahasa Arab dan buku-buku menggunakan silibus Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Pendidikan seperti ini telah berjalan secara formal atau tidak formal sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan lagi. Ini bermakna pendidikan di Malaysia sudah lama terdedah dengan CLIL, cuma ianya dijalankan tanpa tujuan tertentu pada awalnya kerana kebanyakan buku rujukan berkaitan dengan Agama Islam dibawa terus dari negara Arab tanpa pengubahsuaian. Justeru itu, sekarang ini semua subjek agama berasaskan kurikulum Al Azhar telah diolah dengan menggunakan laras Bahasa Arab yang lebih mudah untuk kegunaan murid.

Antara kajian CLIL yang telah dijalankan di Malaysia berkaitan pengajaran dan pembelajaran subjek bukan bahasa dalam bahasa kedua atau asing ialah subjek Fiqh di sekolah rendah sekitar Selangor yang menggunakan kurikulum Al Azhar ialah Kamarulzaman, Saiful Nizam, Nabihah & Nur Azhan (2010) dan di sekolah menengah oleh Kamarulzaman, Irma & Zaid Arafat (2014) di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Negeri Melaka. Dalam kajian oleh Sumayyah et al. (2011) di UniSZA mendapati skor pengetahuan murid tentang istilah Bahasa Arab dalam bidang Fiqh adalah pada tahap sederhana (min 54.81%). Mohd Mansor dan Kamarudin (2004) mendapati hanya 50 peratus murid SMA dan STAM di Kelantan memahami sukatan yang diajar. Bilal Adnan dan Kamarulzaman (2013) menjalankan kajian berkaitan pengenalan CLIL sebagai satu pendekatan baru untuk penutur bukan Arab. Kajian tersebut mendapati pembelajaran isi kandungan menggunakan Bahasa Arab membantu murid meningkatkan penguasaan mereka dalam Bahasa Arab. Walau bagaimanapun kajian tentang CLIL di Malaysia masih kurang khususnya untuk penggunaan Bahasa Arab dalam subjek agama atau di sekolah-sekolah bawah kerajaan negeri dan institusi pengajian tinggi. Oleh yang demikian, dirasakan perlu kajian seperti ini dijalankan untuk melihat keberkesanan ciri-ciri metodologi CLIL dalam pengajaran dan pembelajaran.

Di sini, dapat disimpulkan bahawa pendekatan CLIL telah wujud dalam proses PdP yang menggunakan bahasa kedua atau bahasa asing. Pendekatan ini amat baik jika guru dan murid berusaha bersama-sama dalam penguasaan bahasa dan pemerolehan ilmu. Tidak dinafikan teknik CLIL memerlukan kreativiti dan guru yang komited agar ianya dapat diimplimentasi secara menyeluruh. Selain itu, bahasa Arab sebagai medium adalah tidak menyamai bahasa lain kerana ianya bahasa yang mempunyai hubungan yang lebih kuat kepada murid dan guru beragama Islam. Maka kesannya pasti berbeza.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian gabungan kuantitatif dan kualitatif. Data yang dipungut dari responden (guru) berdasarkan pemerhatian dan temu bual. Manakala data yang dipungut daripada murid pula menggunakan instrumen soal selidik berdasarkan skala likert dan soalan

ujian. Soal selidik dan pemerhatian yang telah dijalankan adalah merupakan ubahsuai daripada 36 ciri-ciri metodologi CLIL (Mehisto et. al 2008).

Kajian rintis telah dijalankan di dua buah sekolah SABK di Selangor iaitu di Sekolah Agama Menengah Sungai Merab Luar dan Sekolah Agama Menengah Bandar Baru Salak Tinggi. Berdasarkan kajian rintis, soalan soal selidik perlu diolah bahasa kepada yang lebih mudah untuk pemahaman murid, soalan ujian juga diperbaiki dari segi arahan soalan, soalan temubual telah diperhalusi dan data pemerhatian diubah struktur ayat supaya selari dengan soal selidik murid kerana menggunakan kerangka konseptual yang sama.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Merupakan kajian lapangan yang menggunakan beberapa instrumen untuk memungut data seperti menggunakan soal selidik (murid) bagi menjawab soalan kajian (Apakah ciri-ciri metodologi CLIL yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Sirah Kurikulum Bersepadu Dini daripada perspektif murid?); Kaedah temubual bersama guru Sirah bagi menjawab soalan kajian (Bagaimanakah cara guru menerapkan ciri-ciri metodologi CLIL dalam pengajaran dan pembelajaran Sirah?); Membuat ujian penilaian soalan bahagian sirah (murid) bagi menjawab soalan (Apakah tahap penguasaan kandungan murid dalam pembelajaran sirah?) dan kaedah pemerhatian di dalam kelas bagi soalan kajian (Apakah kekuatan dan kelemahan guru dalam melaksanakan CLIL dalam pengajaran dan pembelajaran Sirah?).

2.1 Sampel Kajian

Melibatkan empat orang guru yang mengajar subjek sirah dan 147 orang murid di Tingkatan Dua dari empat buah sekolah SABK, Sabah & Sarawak. SABK di Sabah dan Sarawak terpilih sebagai lokasi kajian disebabkan faktor belum terdapat lagi kajian dijalankan di sana berkaitan CLIL. Pemilihan subjek sirah dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) untuk kajian ini pula berdasarkan sifat sirah itu sendiri berbentuk cerita dan murid sudah ada pengetahuan sedia ada berkaitan sirah Rasulullah selain pengolahan teksnya lebih mudah difahami oleh murid. Empat buah sekolah yang terpilih adalah seperti berikut:

- i. Sekolah Menengah Islamiah Tawau, Sabah
- ii. Sekolah Menengah Agama Al-Irsyadiah Marakau, Ranau, Sabah
- iii. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Ahmad Zaidi, Kuching, Sarawak

iv. Sekolah Menengah Kebangsaan Pesantren Abdul Taib Mahmud, Asajaya, Sarawak

2.2 Instrumen

Bagi soalan soal selidik dan pemerhatian, instrumen soalan yang digunakan berdasarkan 36 ciri-ciri metodologi CLIL yang dibahagikan kepada enam dimensi iaitu; Dimensi Kepelbagaian Fokus terdiri 10 item, Dimensi Memperkayakan Persekitaran Pembelajaran Bahasa Arab terdiri 7 item, Dimensi Keaslian terdiri 5 item, Dimensi Pembelajaran Aktif terdiri 9 item, Dimensi Struktur Pengajaran dan Pembelajaran terdiri 5 item, dan Dimensi Kerjasama terdiri 3 item menjadikan kesemua 39 item (dengan tambahan 3 item daripada 36 ciri-ciri CLIL dan 37 item bagi kaedah pemerhatian). Manakala soalan temubual terdiri daripada 12 soalan dan soalan ujian terdiri daripada dua bahagian. Bahagian pertama tentang kosa kata dan bahagian kedua tentang menulis esei.

3.0 DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan soal selidik, murid memberi reaksi positif terhadap kesemua ciri-ciri metodologi CLIL (Mehisto et. al 2008). Min tertinggi ialah pada dimensi struktur pengajaran dan pembelajaran dengan skor 3.79 dan nilai min terendah pada dimensi kerjasama dengan skor 3.29. Dimensi Struktur Pengajaran dan Pembelajaran mengambil kira aspek pengajaran guru ketika mengajar di dalam kelas seperti guru mengajar subjek Sirah dalam bahasa Arab mengambil kira pengetahuan, kemahiran, sikap, minat dan pengalaman kamu sebagai murid, menyampaikan maklumat dalam bentuk mudah, mengajar mengikut gaya belajar murid, mengajar secara kreatif, dan mencabar murid untuk menyelesaikan masalah dengan lebih bijak. Walau bagaimanapun, dapatan ini tidak selari dengan dapatan pemerhatian terhadap guru semasa mengajar di dalam kelas. Guru tidak banyak menggunakan amalan ciri-ciri metodologi CLIL yang sepatutnya. Manakala min terendah pula pada dimensi kerjasama yang melibatkan tiga item iaitu guru mengajar subjek Sirah dalam bahasa Arab saling bekerjasama dengan murid dalam pembelajaran dan ibu bapa membantu murid dalam pembelajaran subjek sirah di rumah, juga terdapat penglibatan masyarakat, pihak berkuasa dan pentadbiran sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Sirah di sekolah. Dapatan ini selari dengan dapatan pemerhatian terhadap

guru semasa di dalam kelas iaitu kurangnya sokongan atau masyarakat luar dalam membantu pembelajaran subjek Sirah di sekolah.

Daripada kaedah pemerhatian juga mendapati, guru kurang mempraktikkan ciri-ciri metodologi dalam dimensi pembelajaran aktif. Pengajaran masih berpusatkan kepada guru. Hasil yang diperolehi dalam ujian Sirah juga menunjukkan keseluruhan murid masih di peringkat lemah dalam menguasai kosa kata. Hal ini demikian kerana, majoriti murid yang mengambil ujian memperoleh nilai markah 5 dan ke bawah (markah penuh 10) atau dalam erti kata lain hanya mampu menterjemah 5 dan ke bawah kosa kata ke dalam bahasa Melayu dengan betul dan tepat.

Selain daripada itu, jika dilihat daripada hasil jawapan soalan esei tentang sirah Nabi SAW, majoriti mereka hanya menulis kembali berdasarkan ingatan dan pengetahuan yang sedia ada. Sebagai contoh, murid menulis secara ringkas berkenaan keluarga Nabi SAW. Rata-rata murid memberikan jawapan dengan menulis nama nabi, nama bapa, nama ibu, nama isteri dan keluarga baginda sahaja. Ada juga murid yang menulis dengan rinci maklumat kelahiran nabi dan riwayat hidup baginda. Ini menunjukkan kosa kata baru murid tidak bertambah, selain bergantung kepada pengetahuan kosa kata sedia ada.

Berdasarkan temubual guru menunjukkan kelemahan murid berpunca dari murid hilang tumpuan atau mudah mengantuk sekiranya tiada aktiviti dalam kelas yang menarik. Begitu juga, laras bahasa Arab yang digunakan dalam buku teks agak tinggi dan menyebabkan guru terus menterjemahkan makna tersebut ke dalam bahasa Melayu, tanpa menggunakan kaedah yang betul ketika memperkenalkan kosa kata baru.

4.0 PERBINCANGAN

Tidak dapat dinafikan bahawa pembelajaran bahasa Arab membantu murid lebih memahami subjek Sirah malah secara tidak langsung dapat dilihat bahawa amalan CLIL turut berkesan dalam memantapkan penguasaan bahasa Arab murid. Berdasarkan dapatan kajian, ternyata amalan CLIL dalam pembelajaran Sirah berkesan dalam meningkatkan kesedaran murid mengenai bahasa Arab dan meningkatkan keyakinan mereka untuk menggunakan bahasa ini. Sokongan daripada para guru sama ada ketika di luar waktu kelas atau semasa sesi pengajaran

dan pembelajaran (PdP) turut memberi kesan positif kepada murid untuk mendalami subjek Sirah berdasarkan amalan CLIL yang dipraktikkan. Malah, murid didapati lebih yakin menguasai subjek Sirah apabila sesi PdP yang dijalankan menggunakan bahasa Arab.

Namun demikian, keputusan sebaliknya apabila melihat penguasaan murid dalam subjek Sirah melalui ujian yang dijalankan. Apa yang dapat disimpulkan adalah, hal ini mungkin berkait dengan tahap kefahaman murid sama ada mereka lupa apa yang telah mereka pelajari sewaktu di dalam kelas ataupun mereka masih tidak berupaya menulis dengan baik atau tidak yakin untuk menulis dalam bahasa Arab.

Berdasarkan analisa soal selidik melalui SPSS, guru yang terlibat sangat kompeten dalam aspek bahasa, kurikulum dan juga pedagogi. Ini dilihat melalui hasil dapatan dari aspek struktur pengajaran dan pembelajaran, jelas menunjukkan guru yang mengajar subjek Sirah dalam bahasa Arab berkompeten dalam mengendalikan tanggungjawab yang diberikan. Para guru sangat peduli dan menitik beratkan pengetahuan, kemahiran, sikap, minat, pengalaman serta teknik belajar murid dalam mengajar subjek ini. Malah guru juga sangat kreatif dalam menghasilkan pembelajaran yang menarik minat murid serta mengamalkan penyampaian yang mudah difahami oleh murid. Namun sebaliknya berlaku semasa pemerhatian terhadap guru di dalam kelas, guru kurang mengamalkan pembelajaran secara aktif ketika mengajar dan tidak menjalankan PdPc mengikut struktur dalam CLIL.

5.0 CADANGAN

Antara pelaksanaan utama yang perlu diambil perhatian oleh guru KBD untuk pembelajaran Sirah atau komponen lain dalam subjek Dini ialah guru perlu menggunakan bahasa Arab dalam kelas sekurang-kurangnya 85%. Berkomunikasi secara 100% dalam bahasa Arab sesama rakan guru lain yang mengajar subjek agama dan Bahasa Arab. Berusaha menjalankan pelbagai aktiviti dalam kelas dan luar kelas yang menggalakkan penggunaan bahasa Arab. Antaranya; melalui kuiz, paparan video, audio, drama, pembentangan murid dan lain-lain dengan galakan komunikasi bahasa Arab dalam kalangan murid. Sentiasa berkomunikasi dengan murid menggunakan bahasa Arab. Memilih dan membantu kumpulan murid yang berkemampuan dalam berkomunikasi bahasa Arab agar mereka menjadi ejen persekitaran bahasa Arab.

Sekolah juga berperanan untuk mewujudkan persekitaran bahasa Arab melalui paparan yang sesuai di segenap kawasan sekolah, di samping penganjuran Khemah Bahasa Arab, pertandingan dan lain-lain. Begitu juga memberi perhatian yang serius demi mewujudkan suasana persekitaran bahasa Arab dalam kalangan guru dan murid. Pihak sekolah dan guru hendaklah memikirkan bentuk program yang sesuai agar ibu bapa dapat terlibat dalam usaha pembelajaran bahasa Arab anak mereka.

Peranan ibu bapa dan masyarakat pula perlu terlibat dengan aktiviti yang dianjurkan oleh sekolah. Ibu bapa dan masyarakat perlu diberi maklumat dan ruang yang banyak untuk menjayakan usaha sekolah dan anak-anak mereka dalam menguasai bahasa Rasulullah SAW ini.

6.0 PENUTUP

Penguasaan kosa kata Bahasa Arab murid akan bertambah dan mampu menguasai istilah untuk subjek Sirah dalam mata pelajaran Usuluddin sekiranya guru mengamalkan kesemua 36 ciri-ciri CLIL yang digariskan. Kajian ini sekurang-kurangnya dapat mengenal pasti ciri-ciri metodologi CLIL yang perlu ditambahbaik oleh guru berdasarkan persepsi murid, hasil keputusan murid dalam ujian, pemerhatian dan temu bual guru. Penggunaan dan penerapan ciri-ciri metodologi CLIL dalam pengajaran dan pembelajaran Sirah diharapkan dapat meningkatkan profesionalisme guru dan penguasaan Bahasa Arab murid, di samping mewujudkan modul yang menerapkan ciri-ciri metodologi CLIL dalam PdP guru.

RUJUKAN

- Bilal Adnan Qublan, & Kamarulzaman. (2013). Bahs Ta'rifi bi CLIL ka Madkhal Jadid fi Ta'lim Al Lughah Al Arabiah Bagi Bukan Penutur Jati. Seminar Antarabangsa Pendidikan Islam Ke 3 (ICIED).
- Bruton, A. (2011). Are The Differences Between CLIL and Non –CLIL Groups in Andalusia Due to CLIL? A Rely ti Lorenzo, Casal and Moore (2010). *Applied Linguistic*. 32/2: 236-241.
- Creswell, J. W. (2005). *Research design: qualitative and quantitative approaches*. Thousand Oaks, CA: SAGE.
- Creswell, J. W. (2007). *Research design: qualitative and quantitative approaches*. Thousand Oaks, CA: SAGE.
- Coyle, D. (1999). Theory and planning for effective classrooms: Supporting students in content and language integrated learning context. In J. Masih (Ed.), *Learning through a foreign language*. London: CILT.
- Coyle, D. (2005). Developing CLIL: Towards a theory of practice. *APAC Monographs*, 6, 5-29.
- de Graaff, R., Koopman, J. G., Anikia, Y., & Westhoff, G. (2007). An Observation Tool for Effective L2 Pedagogy in Content and Language Intergrated Learning (CLIL). *The International Journal of Bilingual Education and Bilingualism*, 10(5), 603-624. Retrieved from http://www.unifg.it/sites/default/files/allegatiparagrafo/2014/de_graaff_et_al_an_observation_tool_for_effective_l2_pedagogy_in_clil.pdf
- Kamarulzaman Abd Ghani, Saiful Nizam Sulaiman, Nabihah Yusof, & Nor Azhan Norul 'Azmi. (2010). Penerapan Pendekatan CLIL dalam Pengajaran Mata muridan Kurikulum Al-Azhar. *Dlm. 1st International Conference on Islamic Education* (hh. 303-312).
- Lai Ying Ying, Hashimah Alimon, & Sophia Md Yassin. (t.t.). *Integrating Content and Language: Exploring teaching and learning practices of a Biology excellent teacher*.
- Liubiniene, V. (2009). Developing listening skills in CLIL. *Studies About Languages*, 15.
- Linares, A., & Morton, T. (2010). Historical Explanations as Situated Practice in Content and Language Integrated Learning. *Classroom Discourse*, 1(1).
- Majma' Al Arabi Al Asasi. (1988). *Al Munazzomah Al Arabiyyah littarbiah wa Assaqofah wa Al Ulum*.
- Marie Hofmannova, Jarmila Norotna, & Renata Pipalova. (2008). *Assessment Approaches to Teaching Mathematics in English as A Foreign Language (Czech Experience)*, 1(1).
- Marsh, D. (2002). *CLIL/EMILE – The European Dimmension: Actions, Trends and Foresight Potential*. Strasbourg: European Commission.
- Marsh, D. (2008). *Language awareness and CLIL*. <http://www.springerlink.com> Marsh, D., & Lange, G. (2000). *Using language to learn and learning to use language*. Finland: UNICOM.
- Mehisto, P. (2008). CLIL Counterweights and Decreasing Disjuncture in CLIL. *International CLIL Research Journal*, 1(1), 93-98.
- Mehisto, P., Marsh, D., & Frigols, M. J. (2008). *Uncovering CLIL: Content and Language Integrated learning in Bilingual and Multilingul Education*. Oxford: Macmillan.
- Meyer, O. (2010). *Towards quality-CLIL: Successful planning and teaching strategies*. Retrieved from <file:///C:/Users/User/Downloads/Dialnet-TowardsQualityCLIL-3311569.pdf>
- Mohd. Mansor Daud, & C. Kamarudin Kamal. (2004). *Permasalahan Pengajaran dan Pembelajaran Kurikulum AlAzhar dan Cara Mengatasinya*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 3. UKM.

- Pinkley, D. (t.t.). Children learning English as a Foreign Language. CLIL: Content and Language Integrated Learning Pearson Longman. Retrieved from <http://www.pearsonlongman.com/primaryplace/pdf/clilmonograph.pdf>
- R. de Graaff, Jan Koopman, G., Anikia, Y., & Westhoff, G. (2007). An Observation Tool for Effective L2 Pedagogy in Content and Language Intergrated Learning (CLIL). *The International Journal of Bilingual Education and Bilingualism*, 10(5), 603-624. http://www.unifg.it/sites/default/files/allegatiparagrafo/20-01-2014/de_graaff_et_al_an_observation_tool_for_effective_l2_pedagogy_in_clil.pdf
- Sumayyah Abd. Aziz, Syh Noorul Madihah Syed Husin, & Tg. Fatimah Muliana Tg. Muda. (2011). Pengetahuan murid UniSZA terhadap istilah Bahasa Arab dalam bidang Fiqh. *International Conferences and Exhibition on Research in Islamic and Arabic Language Education (ICERIALE)*.
- Walker, J. T. (1995). *The psychology of learning*. Paramus, NJ: Prentice Hall.
- Wannagat, U. (2007). Learning through L2- Content and Language Integrated Learning (CLIL) and English as Medium of Instruction (EMI). *International Journal of Bilingual Education and Bilingualism*, 10(5), 663- 682.